

# **BULETIN PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)**

**ROADSHOW PUSAT  
PENGURUSAN  
PENYELIDIKAN  
(RMC) KE FAKULTI**

**PENDAFTARAN CAP  
JARI BAGI RA DAN  
GRA DI BAWAH  
LANTIKAN ICC DAN  
RMC**

**KLINIK SEMAKAN  
KERTAS CADANGAN  
(REVISE PROPOSAL)  
DAN LAPORAN  
PRESTASI DP KPM**



6 009800 461091 >

**TAKLIMAT GLOSARI  
MALAYSIA  
RESEARCH  
ASSESSMENT MYRA  
2019 (PINDAAN  
2018) UTHM**

**PROGRAM  
BERSAMA  
PENYELIDIK MUDA  
CEMERLANG**

**MAJLIS AMANAT  
PENGARAH PUSAT  
PENGURUSAN  
PENYELIDIKAN (RMC)  
TAHUN 2020**

# Isi Kandungan

PENDAFTARAN CAP JARI BAGI RA DAN GRA  
DI BAWAH LANTIKAN RMC DAN ICC **1**

PROGRAM BERSAMA PENYELIDIK MUDA  
CEMERLANG **1**

MAJLIS AMANAT PENGARAH RMC TAHUN  
2020 **2**

BENGKEL PENYEDIAAN MANUSKRIP BUKU  
DASAR PENYELIDIKAN RMC, UTHM **3**

SESI RAMAH MESRA TNCPi  
BERSAMA STAF PUSAT PENGURUSAN  
PENYELIDIKAN **3**

KLINIK SEMAKAN KERTAS CADANGAN  
(REVISE PROPOSAL) DAN LAPORAN  
PRESTASI DANA PENYELIDIKAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA **3**

SESI LAWATAN KERJA RASMI KE RAPID  
PENGERANG **3**

ANUGERAH PENTADBIR 2019 DAN MAJLIS  
APRESIASI NAIB CANSOLOR **4**

TAKLIMAT GLOSARI MYRA® 2019 (PINDAAN  
2018) UTHM **4**

ROADSHOW PUSAT PENGURUSAN  
PENYELIDIKAN (RMC) KE FAKULTI **4**

## Sidang Redaksi

### Penasihat

Prof. Dr. Mohd Amri Lajis

### Ketua Editor

Prof. Madya Ts. Dr. Aida Mustapha

### Jurugambar

En. Mohd Zaini Yusof

### Grafik dan Rekaletak

Cik Nur Amalina Wagi



PENDAFTARAN CAP JARI BAGI PEMBANTU PENYELIDIK (RA) DAN PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA) DIBAWAH LANTIKAN RMC DAN ICC

## PENDAFTARAN CAP JARI BAGI PEMBANTU PENYELIDIK (RA) DAN PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA) DIBAWAH LANTIKAN RMC DAN ICC

UTHM, 24 Januari – Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) telah mengadakan sesi pendaftaran cap jari bagi sistem perakam kehadiran Pembantu Penyelidik (RA) dan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA).

Sesi pendaftaran tersebut telah berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 22 dan 23 Januari. Ia diadakan bertujuan bagi menggunakan sistem perakam waktu kehadiran cap jari untuk merekod kehadiran RA dan GRA di bawah lantikan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan juga Pusat Pengkomersilan dan Inovasi (ICC). Seramai 500 orang pelajar telah hadir untuk mendaftar.



PENDAFTARAN CAP JARI BAGI PEMBANTU PENYELIDIK (RA) DAN PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA) DIBAWAH LANTIKAN RMC DAN ICC

## PROGRAM BERSAMA PENYELIDIK MUDA CEMERLANG

UTHM, 27 Januari - Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) telah mengadakan satu Program Bersama Penyelidik Muda Cemerlang. Program tersebut telah berlangsung di Dewan Jemaah, Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Ia diadakan bertujuan bagi sesi perkongsian "Flourish Your Research" oleh Profesor Madya Dr. Wan Azmi Wan Hamzah dari Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Pada sesi tersebut, PM Dr. Wan Azmi Wan Hamzah telah berkongsi titik permulaan beliau mula berkecimpung dalam penyelidikan. Selain itu, beliau juga berkongsi perjalanan beliau sepanjang menjalankan penyelidikan, latarbelakang pendidikan dan kerjaya beliau serta penganugerahan yang diterima oleh beliau.

Salah satu strategik yang beliau kongsi dalam "Flourish Your Research" adalah dengan meningkatkan reputasi pada peringkat fakulti, universiti, kebangsaan dan juga antarabangsa.

Antara langkah-langkah dalam meningkatkan reputasi pada peringkat tersebut adalah seperti topik penyelidikan mengikut halatuju universiti dan konsisten serta pertimbangkan kemudahan yang sedia ada di universiti. Selain itu, geran penyelidikan, penyediaan Post-Graduate (PG), penerbitan, patents, pameran, konsultasi dan latihan serta pengkomersilan. Sesi perkongsian tersebut diakhiri dengan sesi soal jawab.



PROGRAM BERSAMA PENYELIDIK MUDA CEMERLANG



MAJLIS AMANAT PENGARAH PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC) TAHUN 2020

## MAJLIS AMANAT PENGARAH PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC) TAHUN 2020

UTHM, 30 Januari – Bertempat di Research Lounge (RL), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) telah mengadakan satu majlis amanat daripada Pengarah RMC. Majlis Amanat Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Tahun 2020 telah disampaikan oleh Pengarah RMC iaitu Prof. Dr. Mohd Amri bin Lajis.

Prof, Mohd Amri dalam amanatnya menyeru semua staf RMC agar sentiasa ikhlas, jujur, dan menjaga amanah yang dipertanggungjawabkan sebagai seorang staf di RMC di samping memberi motivasi diri untuk mengubah diri ke arah yang lebih baik. Selain itu, beliau juga ingin staf beliau di RMC menerapkan sikap kerjasama, saling hormat menghormati diantara satu sama lain dan mengamalkan 5B's iaitu bertanya,

banyak baca, berbuat baik, bersedekah dan bantu kepada yang memerlukan pertolongan,

Tambahan, beliau juga menyampaikan harapan RMC bagi tahun 2020. Antara harapan RMC pada tahun 2020 ialah pemantapan strategik MyRA ke arah 5 bintang, pemantapan strategik pencapaian KPI SKTU, pemantapan strategik pemantauan geran yang lebih efisien dan penambahbaikan sistem online seperti SMPU, ORKED dan My Expert, serta pemantapan proses kerja prosedur dan peraturan aktiviti penyelidikan @ SOP RMC. Oleh itu, harapan ini akan menjadi rujukan bagi merangka aktiviti bagi mencapai sasaran RMC pada tahun 2020.

Majlis tersebut diserikan lagi dengan penyampaian cenderahati dan penghargaan kepada Cik Nur Shahila dan Pn. Siti Fadzlina bagi mengenang jasa diatas sumbangan masa dan tenaga mereka sepanjang mereka berkhidmat di RMC.



MAJLIS AMANAT PENGARAH PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC) TAHUN 2020



MAJLIS AMANAT PENGARAH PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC) TAHUN 2020

## **BENGGEL PENYEDIAAN MANUSKRIP BUKU DASAR PENYELIDIKAN, PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC), UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)**

UTHM, 09 Februari – Bertempat di Research Lounge (RL), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) telah mengadakan satu Bengkel Penyediaan Manuskrip Buku Dasar Penyelidikan.

Bengkel tersebut diadakan bertujuan bagi semakan dan permurnian manuskrip buku dasar penyelidikan. Bengkel tersebut dipengerusikan oleh Prof. Madya Ts. Dr. Aida binti Mustapha, Timbalan Pengarah RMC. Turut hadir pada bengkel tersebut ialah Prof. Madya Dr. Mohd Khairul bin Ahmad, Timbalan Pengarah RMC dan pegawai-pegawai RMC.

## **SESI RAMAH MESRA TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) BERSAMA STAF PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN**

UTHM, 16 Februari – Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) bersama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah mengadakan Sesi Ramah Mesra Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi) Bersama Staf Pusat Pengurusan Penyelidikan bertempat di Research Lounge (RL), RMC, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Majlis tersebut diadakan bertujuan bagi sesi ramah mesra bersama staf RMC dan menyampaikan amanat yang diberikan oleh Prof. Dr. Shahir Shamsir bin Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kepada semua staf di RMC.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah RMC dan Timbalan-timbalan Pengarah RMC serta pegawai-pegawai di RMC.



**SESI RAMAH MESRA TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) BERSAMA STAF PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN**

## **KLINIK SEMAKAN KERTAS CADANGAN (REVISE PROPOSAL) DAN LAPORAN PRESTASI DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

UTHM, 20 Februari – Bertempat di ruang legar RMC, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) telah mengadakan satu Klinik Semakan Kertas Cadangan (Revise Proposal) Dan Laporan Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Klinik tersebut diadakan bertujuan bagi revise proposal MyGrants Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah lulus dan pengemaskinian laporan prestasi Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia di MyGrants.



**KLINIK SEMAKAN KERTAS CADANGAN (REVISE PROPOSAL) DAN LAPORAN PRESTASI DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

## **SESI LAWATAN KERJA RASMI KE RAPID PENERANG**

UTHM, 27 Februari – Bertempat di Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC), telah diadakan satu sesi lawatan kerja rasmi. Sesi lawatan ini telah diketuai oleh YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly, Naib Canselor UTHM dan turut disertai oleh Ahli-ahli Eksekutif serta Dekan-dekan dari semua fakulti.



**SESI LAWATAN KERJA RASMI KE RAPID PENERANG**

## **ANUGERAH PENTADBIR 2019 DAN MAJLIS APRESIASI NAIB CANCELOR**

UTHM, 01 Mac - Persatuan Pegawai Pentadbir dan Ikhtisas (PENTAS) telah menganjurkan Anugerah Pentadbir 2019 dan Majlis Apresiasi Naib Canselor kepada YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly yang akan tamat tempoh lantikan rasmi sebagai Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 02 Mac 2020 ini.

Turut hadir sama pada majlis tersebut ialah Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Timbalan-Timbalan Naib Canselor dan Pegawai-Pegawai Kanan Universiti.



**ANUGERAH PENTADBIR 2019 DAN MAJLIS APRESIASI NAIB CANCELOR**

## **ROADSHOW PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC) KE FKAAB**

UTHM, 05 Mac - Bertempat di Bilik Mesyuarat Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah diadakan satu taklimat yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan penerangan kepada ahli-ahli fakulti mengenai SKTU, Malaysia Research Assessment (MyRA®), sistem sokongan seperti SMPU dan ORKED, geran-geran yang akan dibuka pada tahun 2020, Standard Operation Procedure (SOP) serta Tadbir Urus dan Pemantauan di Pusat Pengurusan Penyelidikan.



**ROADSHOW PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC) KE FKAAB**

## **TAKLIMAT GLOSARI MALAYSIA RESEARCH ASSESSMENT MYRA 2019 (PINDAAN 2018) UTHM**

UTHM, 03 Mac - Bertempat di Research Lounge, RMC, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) telah mengadakan satu Taklimat Glosari Malaysia Research Assessment (MyRA®) 2019 (Pindaan 2018) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Taklimat tersebut diadakan bertujuan memberi penerangan berkenaan glosari dan gerak kerja pengumpulan data MyRA® 2019 (Pindaan 2018). Taklimat disampaikan oleh Prof. Madya Ts. Dr. Aida Mustapha, Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan.

Turut hadir pada taklimat tersebut ialah wakil dari Pejabat Pendaftar, wakil dari Pusat Pengajian Akademik, wakil dari Pusat Kesihatan Universiti (PKU), Pengarah dan wakil dari Institut Kejuruteraan Integrasi (I2E), wakil dari Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat, wakil dari Pusat Pengajian Siswazah, wakil dari Pusat Endowmen dan Wakaf, wakil dari Pejabat Hubungan Universiti dan Masyarakat, Pengarah Penerbit dan wakil dari Pejabat Penerbit, wakil dari Pusat Pendidikan Berterusan (CEC), Pengarah dan wakil dari Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) dan wakil dari Pejabat Hubungan Universiti dan Industri serta wakil dari Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).



**TAKLIMAT GLOSARI MALAYSIA RESEARCH ASSESSMENT MYRA 2019 (PINDAAN 2018) UTHM**



**TAKLIMAT GLOSARI MALAYSIA RESEARCH ASSESSMENT MYRA 2019 (PINDAAN 2018) UTHM**



**FACEBOOK**



**INSTAGRAM**



**WEBSITE**

**@rmcuthm**

**<http://rmc.uthm.edu.my>**

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN**

**Susur Syed Alwi 4**

**86400 Parit Raja**

**Johor**